

## **MUZIK DAN RITUAL DALAM MASYARAKAT CAM DI VIETNAM**

*Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff*

### **PENGENALAN**

Perbincangan ini memberikan tumpuan terhadap hubungan muzik dan ritual dalam masyarakat Cam di Vietnam. Dalam hal ini, akan diterangkan bagaimana kedua-dua elemen itu saling berkaitan dan mempengaruhi kehidupan masyarakat Cam. Masyarakat Cam amat mempercayai bahawa muzik dan ritual mempunyai hubungan yang berkaitan dan saling perlu memerlukan di antara satu sama lain. Bagi memahami dengan lebih lanjut tentang muzik dan hubungannya dengan ritual, penghuraian yang dibuat turut menyentuh tentang kepercayaan masyarakat Cam itu sendiri.

### **MASYARAKAT CAM DI VIETNAM**

Masyarakat Cam tergolong dalam kumpulan Austronesian (Malayo-Polynesian) iaitu yang mana mempunyai sebutan bahasa yang hampir mirip dengan sebutan bahasa daripada bahasa kumpulan Indonesia dan Melanesia.<sup>1</sup> Masyarakat Cam juga mengamalkan sistem matriliel dan matrilokal dalam kehidupan mereka seperti mana masyarakat Minangkabau di Pagar Ruyong, Sumatera, Indonesia dan Negeri Sembilan di Malaysia. Sistem sosial matriliel dan matrilokal berdasarkan kepada susul galur nisab ibu atau perempuan. Masyarakat Cam amat memberikan keutamaan kepada susul jalur daripada sebelah perempuan sebagai pemilik harta pusaka dan menjadi pemimpin mereka. Kini, masyarakat Cam merupakan etnik minoriti di Vietnam dengan berjumlah 900 ribu orang yang mendiami di wilayah Ninh Thuan, Binh Dinh, Dong Nai dan Ang Giang (Delta Mekong) iaitu di bahagian pesisir pantai selatan Vietnam.

Masyarakat Cam juga boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan yang berdasarkan kepada wilayah dan kepercayaan yang mereka anuti. Kumpulan pertama iaitu Cam Hroi yang mendiami di wilayah Nha Trang dan Van Canh terutamanya di bandar Phu Yen dan Binh Dinh dengan berjumlah 20 ribu orang. Cam Hroi menganuti kepercayaan animisme iaitu memuja roh-roh nenek moyang dan semangat tertentu seperti pokok besar, batu besar dan bukit. Selain itu masyarakat Cam Hroi mengamalkan corak kehidupan seperti masyarakat yang tinggal di kawasan bukit iaitu masyarakat Jarai, Ede, Cru dan Raglai. Corak kehidupan masyarakat Cam Hroi terpisah jauh dengan bentuk corak kehidupan masyarakat Cam yang mendiami di wilayah Ninh Thuan dan Binh Thuan. Kini, masyarakat Cam Hroi masih mengamalkan amalan dan kepercayaan nenek moyang mereka dan sukar untuk menerima pengaruh luar.

Kumpulan kedua pula terdiri daripada Cam Lama yang mendiami di wilayah Ninh Thuan dan Binh Thuan yang berpusat di bandar Phan-rang dan Danang dengan berjumlah 800 ribu orang. Kedua-dua wilayah itu terletak di bahagian tengah pesisir pantai selatan Vietnam. Kedua-dua wilayah itu juga merupakan kawasan tumpuan masyarakat Cam yang utama dan ia merupakan tapak lama peninggalan kerajaan Campa. Cam Lama adalah istilah diberikan kepada generasi Cam yang mendiami di kedua-dua wilayah itu sekarang yang mana merupakan keturunan masyarakat Cam yang pernah mendiami kerajaan Campa.

Masyarakat Cam Lama juga boleh dipecahkan kepada dua kumpulan yang berdasarkan kepada kepercayaan yang dianut oleh mereka iaitu Cam Brahma dan Cam Bani. Cam Brahma merupakan masyarakat menganuti kepercayaan Hindu dan mengamalkan amalam Hindu dalam kehidupan sehari-hari mereka. Manakala Cam Bani pula telah menganuti agama Islam, namun begitu masih mengamalkan kepercayaan animisme dan Hindu dalam kehidupan sehari-hari. Kini dianggarkan terdapat 500 ribu masyarakat Cam Bani mendiami di wilayah Ninh Thuan terutamanya di bandar Phan-rang.

Manakala kumpulan ketiga terdiri daripada Cam Biraw (Cam Biru) atau Cama Mekong. Masyarakat Cam Biraw adalah istilah yang digunakan kepada pelarian masyarakat Cam yang lari daripada serangan tentera dan penaklukan kerajaan Annam (Vietnam) ke atas kerajaan Campa pada tahun 1832. Masyarakat Cam Biraw telah berpindah dan mendiami di wilayah Ang Giang yang terletak di bahagian selatan pesisir pantai Vietnam dan berpusat di bandar Chou Doc dengan berjumlah 30 ribu orang. Selain itu terdapat juga masyarakat Cam Biraw mendiami di bandaraya Ho Chi Minh, Tay Ninh, Tra Ninh, Binh Duong dan Cantho. Masyarakat Cam Biraw mengamalkan ajaran Islam yang sebenarnya tanpa berlaku sinkretik dengan kepercayaan animisme dan Hindu dalam kehidupan harian.

Masyarakat Cam Biraw juga telah mengalami perubahan kebudayaan, akibat berlaku perkahwinan campur dengan pendatang luar seperti orang Melayu dan Jawa. Orang Melayu dan Jawa berhijrah ke wilayah ini untuk mengembangkan dan berdakwah ajaran Islam ke atas masyarakat itu di samping menjalankan urusan perniagaan seperti menjual kain dan bahan-bahan makanan.<sup>2</sup> Kini ramai daripada masyarakat Cam Biraw telah pergi ke Malaysia terutamanya di Kelantan untuk mempelajari ajaran Islam. Malah mereka juga telah mengamalkan corak kehidupan masyarakat Melayu Kelantan dalam kehidupan mereka seperti bentuk rumah kediaman, jenis masakan makanan dan cara berpakaian.

Masyarakat Cam di Vietnam juga merupakan masyarakat agraria. Masyarakat agraria adalah masyarakat yang menjalankan aktiviti pertanian sebagai sumber mata pencarian utama mereka.<sup>3</sup> Masyarakat Cam menjalankan aktiviti pertanian padi sawah dan padi huma sebagai sumber rezeki utama. Selain itu mereka juga menjalankan aktiviti penangkapan ikan di sungai dan laut. Masyarakat Cam juga menternak binatang ternakan seperti kerbau, lembu dan kambing. Mereka menjalankan aktiviti pekerjaan tersebut hanya sebagai sara diri saja atau sekadar untuk bahan keperluan harian. Misalnya masyarakat Cam yang tinggal di Phang-

rang iaitu di wilayah Ninh Thuan yang masih menjalankan aktiviti pertanian padi sawah dan menangkap ikan secara tradisional. Namun begitu terdapat juga sebilangan daripada masyarakat mereka menjalankan aktiviti perniagaan kecil-kecilan seperti perniagaan kedai makan, perniagaan kedai runcit, perniagaan tekstil dan alat-alat hiasan.

## **KEPERCAYAAN MASYARAKAT CAM DI VIETNAM**

Masyarakat Cam telah menganuti kepercayaan animisme dan Hindu sebelum mereka menganuti agama Islam terutamanya masyarakat Cam Bani. Kepercayaan animisme telah dianuti oleh masyarakat Cam sebelum terbinanya kerajaan Campa pada abad kedua masih.<sup>4</sup> Kepercayaan animisme lebih berpusat kepada semangat-semangat tertentu yang berada di sekeliling kehidupan manusia.<sup>5</sup> Masyarakat Cam sebelum menganuti kepercayaan Hindu dan Islam amat mempercayai kepada semangat-semangat tertentu yang mendiami batu-batu besar, pokok-pokok besar, bukit-bukau dan roh nenek moyang mereka. Semangat-semangat tersebut dihormati dan dijagai dengan bertujuan untuk mengimbangi kehidupan mereka daripada terganggu.

Mereka mempercayai bahawa semangat-semangat tersebut yang menjaga keselamatan dan memberikan mereka rezeki. Mereka akan mengadakan upacara ritual tertentu dengan diiringi muzik untuk menyatakan tanda terima kasih di atas pemberian hasil rezeki yang lumayan dan menjaga keselamatan kampung mereka daripada serangan penyakit atau bencana alam seperti banjir dan kemarau.

Kepercayaan Hindu telah berkembang ke Campa akibat dibawa oleh para pedagang India pada awal tertubuhnya kerajaan Campa.<sup>6</sup> Kedatangan para pedagang India untuk berdagang telah diterima baik oleh pemerintah Campa. Selain daripada berdagang dengan menjual hasil dagangan seperti kapas dan kain, mereka juga mengembangkan kepercayaan Hindu dan kosmologi masyarakat mereka seperti perundangan India, cara hidup dan kalender Hindu. Kedatangan mereka ke Campa turut membawa sekali golongan Brahmi. Golongan Brahmi ini yang telah mendominasi kelas pemerintahan Campa.<sup>7</sup> Mereka menjadi penasihat kepada raja dan boleh mempengaruhi segala keputusan yang dikeluarkan oleh raja Campa. Kepercayaan Hindu telah mendapat perhatian daripada golongan pemerintah dan menganuti kepercayaan itu dan telah menjadi ikutan masyarakatnya terutamanya masyarakat Cam yang tinggal di pusat pemerintahan kerajaan Campa.

Perkembangan kepercayaan Hindu di kalangan masyarakat Cam telah diterima dengan baiknya masyarakat Cam kerana kepercayaan Hindu tidak jauh berbeza dengan kepercayaan animisme. Masyarakat Cam telah mencampuradukkan amalan dan kepercayaan animisme dengan kepercayaan Hindu dalam kehidupan harian mereka. Masyarakat Cam beranggapan bahawa kepercayaan Hindu yang dianuti oleh mereka tidak ada perbezaan dengan kepercayaan animisme sebelum itu. Mereka mempercayai kerana berdasar daripada amalan dan aktiviti upacara ritual yang dilakukan di dalam kepercayaan animisme tidak jauh beza kepercayaan

Hindu seperti upacara ritual pemujaan dewa-dewa Hindu dengan pemujaan semangat dan roh nenek moyang mereka.

Begitu juga semasa menjalankan upacara ritual dalam kepercayaan animisme masyarakat Cam menggunakan muzik untuk mengiringi upacara ritual tersebut. Persamaan penggunaan muzik sebagai irangi dalam ritual kepercayaan Hindu sama seperti semasa proses permujaan dewa-dewa Hindu seperti Dewa Siva, Vishnu dan Genesa. Percampuran kepercayaan animisme dan Hindu telah melahirkan pelbagai bentuk muzik dan ritual dalam masyarakat Cam seperti muzik repertoire Rija, Dhir Srwak dan Dayob. Manakala upacara ritual pula seperti ritual pertanian, buka tanah kediaman, puja semangat kampung dan roh raja-raja Campa dan ritual pengubatan penyakit.

Apabila kemasukan kepercayaan Islam pada abab ke-16 oleh pedagang-pedagang Islam juga telah diterima baik oleh pemerintah Campa. Namun begitu kepercayaan Islam yang di bawa oleh pedagang Islam itu telah berlaku sinkretik dengan kepercayaan animisme dan Hindu oleh masyarakat Cam.<sup>8</sup> Masyarakat Cam telah melakukan sinkretik amalan kepercayaan Islam dalam kehidupan harian dengan disesuaikan mengikut kepercayaan animisme dan Hindu yang mereka anuti sebelum itu. Masyarakat itu dipanggil Cam Bani iaitu masyarakat Cam yang menganuti kepercayaan Islam yang masih mengamalkan amalan dan kepercayaan animisme dan Hindu dalam kehidupan mereka.

Masyarakat Cam Bani masih mengamalkan upacara ritual-ritual tertentu dengan diiringi persembahan muzik dalam kehidupan harian mereka. Masyarakat Cam Bani tidak mengamalkan ajaran Islam yang sepenuhnya dalam kehidupan harian mereka. Misalnya solat hanya dilakukan oleh iman, puasa hanya dilakukan selama tiga hari pertama secara individu dan hari yang selebihnya dilakukan oleh iman dan tidak menunai haji di Makkah kerana Makkah ialah tempat yang suci. Amalan ini masih diamalkan oleh masyarakat Cam Bani kerana kurangnya kefahaman tentang ajaran Islam yang sebenarnya. Justeru itu terdapat generasi masyarakat Cam Bani sekarang telah pergi ke Malaysia terutamanya Kelantan untuk mendalami ajaran Islam. Selepas kembali daripada mendalami ajaran Islam di Malaysia, ramai daripada mereka telah berhijrah dan menetap di wilayah Ang Giang (Delta Mekong) dengan membentuk kumpulan masyarakat Cam yang baru iaitu Cam Biraw. Masyarakat ini mengamalkan ajaran Islam yang sebenarnya dan malah turut membawa kosmologi Melayu bersama-sama mereka apabila kembali ke Vietnam.

## **MUZIK DALAM MASYARAKAT CAM DI VIETNAM**

Perbincangan ini akan memberi tumpuan kepada muzik masyarakat Cam Bani. Masyarakat Cam Bani merupakan masyarakat Cam yang unik kerana telah mengalami pelbagai kepercayaan dalam kehidupan mereka. Mereka juga telah mengubahsuai kepercayaan itu mengikut kesesuaian terhadap masyarakat mereka. Masyarakat Cam Bani juga telah melahirkan pelbagai bentuk muzik akibat daripada sinkretik di antara kepercayaan Islam, Hindu dan animisme. Muzik yang

lahir daripada masyarakat itu yang berkaitan dengan pemujaan semangat-semangat tertentu dan disesuaikan ke dalam kehidupan harian mereka.

## **DEFINISI MUZIK**

Sebelum perbincangan lebih lanjut mengenai muzik dalam masyarakat Cam terlebih dahulu dikemukakan definisi mengenai muzik. Menurut definisi muzik yang dikemukakan dalam kamus, A New Dictionary of Music, menerangkan muzik adalah,

*"the 'art of combining sounds with a view to beauty of form and expression of emotion'".<sup>9</sup>*

Definisi itu jelas menerangkan muzik adalah satu seni yang mengabungkan bunyi dengan bentuk gambaran yang cantik dan pengucupan perasaan. Muzik dapat melahirkan satu perasaan yang tidak dapat digambarkan dan turut dapat memberi kesan kepada penghasilnya dan pendengar. Muzik juga dapat melahirkan rasa ketenangan dan kepuasan kepada penghasilnya dan pendengar.

## **BENTUK MUZIK DALAM MASYARAKAT CAM DI VIETNAM**

Masyarakat Cam Bani amat mempercayai kepada perkara ghaib seperti roh nenek moyang, roh raja-raja Campa dan semangat halus. Kepercayaan terhadap perkara-perkara ghaib itu telah melahirkan bentuk repertoire muzik tertentu. Masyarakat Cam Bani menggunakan repertoire muzik dengan dua fungsi iaitu fungsi ritual dan hiburan.

Untuk fungsi ritual, masyarakat Cam Bani menggunakan muzik sebagai pengantara untuk menghubungi perkara-perkara ghaib seperti semangat tertentu. Dalam ritual, persempahan repertoire muzik diperlukan untuk mengimbangi dan mendampingi semangat tertentu supaya tidak mengganggu kehidupan masyarakat mereka. Untuk menghubungi semangat tertentu telah melahirkan satu bentuk persempahan repertoire yang khusus dan penting di dalam masyarakat Cam Bani iaitu repertoire Rija. Repertoire Rija merupakan genre repertoire yang utama dan amat bersesuai untuk menghubungi semangat halus kerana repertoire Rija itu sendiri mempunyai beberapa aspek yang berkaitan dengan ritual.

Repertoire muzik Rija merupakan persempahan yang berkaitan dengan proses menurun seperti tradisi pengubatan Melayu Kelantan iaitu Main Puteri. Dalam repertoire Rija hanya membabitkan dua individu yang penting iaitu Moduon dan Muk Rija. Moduon adalah seorang bomoh dan mengetuai repertoire itu sambil bermain alat Kanhi.<sup>10</sup> Manakala Muk Rija adalah individu yang membenarkan tubuhnya dimasuki semangat tertentu yang dipuja oleh Moduon dalam keadaan beliau tidak sedar diri (semasa menurun). Muzik digunakan untuk mewujudkan satu keadaan kelupaan kepada Muk Rija supaya beliau tidak sedar diri untuk membenarkan semangat yang dipuja sebelum itu dapat memasuki ke dalam tubuhnya. Peranan

muzik amat penting bagi melicinkan proses ritual tersebut.

Kadang-kala, masyarakat Cam Bani memainkan muzik instrumental tanpa kehadiran Muk Rija dengan hanya memainkan lagu-lagu tertentu yang berkaitan dengan semangat. Alat-alat muzik yang digunakan untuk memainkan muzik repertoire Rija terdiri daripada alat ginang, sarinai, ceng dan kanhi. Dalam ensemبل muzik repertoire Rija, alat ginang merupakan alat muzik yang penting dan dominan. Alat ginang yang mengawal rentak dan tempo lagu-lagu muzik Rija dengan dibantu alat sarinai sebagai penghasil melodi.

Masyarakat Cam Bani juga mempunyai bentuk muzik untuk memberikan mereka hiburan seperti nyanyian lagu kanak-kanak dan lagu-lagu cinta dengan irangi alat rebana atau bari'nung. Alat rebana ditabuh dengan tempo dan rentak yang perlahan berdasarkan kepada bentuk atau jenis lagu yang dinyanyikan. Biasanya nyanyian seperti itu dipersembahkan oleh masyarakat Cam Bani semasa menuai padi iaitu dalam suasana gembira. Terdapat seorang daripada mereka akan menabuh alat rebana di tempat tertentu sambil menyanyikan lagu-lagu tertentu. Mereka akan menyanyi dengan mengikuti lagu yang dinyanyikan oleh pemain alat rebana dengan secara beramai-ramai. Ini memberikan bentuk hiburan kepada mereka untuk menghilangkan rasa keletihan dalam diri mereka.

## RITUAL DALAM MASYARAKAT CAM DI VIETNAM

Ritual adalah satu aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat Cam untuk mencapai kehendak mereka dalam kehidupan. Misalnya masyarakat Cam Bani menjalankan upacara ritual seperti pembukaan tanah, pembinaan rumah, kelahiran bayi dan pemujaan roh nenek moyang mereka. Masyarakat Cam Bani mengadakan upacara ritual pemujaan itu yang bertujuan untuk mendampingi dan mengimbangi kuasa semangat. Kuasa semangat mempunyai pengaruh yang kuat ke atas masyarakat Cam sejak nenek moyang mereka lagi. Upacara ritual tersebut bertujuan untuk menjaga keselamatan masyarakat atau kampung mereka daripada gangguan semangat tertentu.

## DEFINISI RITUAL

Definisi ritual adalah sebagaimana yang dikemukakan dalam buku, **History of World: Civilization of Asia** yang menerangkan:

*"A system of acts or procedures especially with regard to religious worship".*

Daripada definisi yang dikemukakan itu didapati ritual merupakan satu bentuk upacara yang dilakukan oleh masyarakat tertentu melalui pemujaan. Dalam bentuk upacara itu terdapat beberapa proses tertentu yang dilakukan untuk memperolehi atau mencapai apa yang diharapkan sebelum itu. Biasanya proses upacara-upacara

ritual disertai dengan diiringi muzik sebagai sokongan kepada proses upacara tersebut. Dalam masyarakat Cam, irungan muzik dalam upacara ritual amat penting untuk menimbulkan satu keadaan kelupaan kepada individu yang terbabit dalam upacara ritual itu.

## **BENTUK RITUAL DALAM MASYARAKAT CAM**

Upacara ritual dalam masyarakat Cam Bani juga amat berkaitan dengan perkara-perkara ghaib seperti roh nenek moyang dan semangat halus. Masyarakat Cam Bani mengadakan beberapa bentuk upacara ritual tertentu dengan bertujuan untuk mengimbangi dan mendampingi semangat tertentu. Kebanyakan upacara ritual yang diamalkan dan dilakukan oleh masyarakat itu berkaitan dengan kehidupan harian mereka. Masyarakat Cam Bani amat mempercayai bahawa kehidupan mereka dikawal dan dikuasai oleh semangat tertentu. Untuk mengelakkan perkara atau kejadian yang tidak diingini berlaku mereka mengadakan upacara ritual tertentu, walaupun mereka telah menganuti agama Islam. Kini, masyarakat Cam Bani masih mengadakan bentuk upacara ritual seperti ritual buka tanah pertanian, puja semangat padi dan pengubatan penyakit yang membabitkan penggunaan diiringin muzik.

Masyarakat Cam Bani amat mempercayai semangat yang mendiami tanah yang menentukan kesuburan tanaman mereka. Mereka akan mengadakan bentuk upacara ritual buka tanah pertanian yang khusus yang dipanggil “Yang Tanah Akauk Thun”. Ritual ini merupakan ritual penghormatan kepada semangat tanah sawah padi yang akan diusahakan untuk musim menanam nanti. Mereka mempercayai bahawa semangat tanah itu boleh didampingi dan dapat dipelihara semangat tanah itu daripada terganggu. Dalam upacara ritual turut disajikan beberapa sajian seperti daging kambing mentah, seekor ayam jantan, bubur kacang dan anak pokok tebu panjang. Penyediaan bahan-bahan sajian itu bertujuan untuk dijamu kepada semangat tanah itu supaya semangat itu tidak menganggu tanaman padi mereka nanti.

Masyarakat Cam Bani juga mengadakan bentuk upacara ritual puja semangat padi sebelum ditanam di sawah padi. Upacara ritual puja semangat padi merupakan lanjutan daripada ritual buka tanah pertanian. Masyarakat Cam Bani mengadakan upacara ritual puja semangat padi bertujuan untuk memelihara semangat padi terganggu akibat perpindahan daripada tapak semaihan. Ritual puja semangat padi itu dipanggil “Palaik Padai Trun Drak” iaitu menyemai benih padi untuk ditanam di sawah padi. Semangat yang mendiami benih padi itu dipuja oleh bomoh atau Moduon dengan membaca jampi mantera tertentu. Benih padi itu dipuja dan dijampi supaya pertumbuhannya tidak terganggu oleh semangat padi. Mereka juga mempercayai ia akan memberikan hasil tanaman yang banyak sekiranya semangat padi tidak terganggu.

Bentuk upacara ritual lain dalam masyarakat Cam Bani iaitu ritual pengubatan yang dipanggil Rija. Proses pemgubatan ini menggunakan iringin muzik sebagai elemen utama untuk menarik semangat tertentu. Upacara ritual pemgubatan masyarakat Cam Bani lebih kepada proses menurun dengan memuja semangat tertentu untuk

mengubati penyakit. Semangat tertentu dipuja untuk memasuki ke alam nyata dengan memasuki ke dalam tubuh individu tertentu yang membenarkan dirinya dimasuki semangat itu. Semangat itu akan berinteraksi dengan moduon untuk mengetahui jenis penyakit yang dihadapi oleh pesakit. Semasa proses menurun itu berlangsung iringan muzik amat penting dan diperlukan untuk mewujudkan keadaaan luarbiasa supaya proses ritual itu berjalan dengan lancar. Selepas itu akan diikuti upacara ritual pengubatan lanjutan iaitu Dhir Srwak. Proses lanjutan itu yang bertujuan memastikan pesakit itu benar-benar pulih sepenuhnya. Biasanya ritual Dhir Srwak diadakan pada hari terakhir proses pengubatan Rija dengan melepaskan perahu ke laut yang diisikan pelbagai bahan seperti rumah kertas, patung manusia diperbuat daripada kayu dan buah-buahan. Ini bertujuan sebagai melepaskan semangat jahat atau penyakit itu jauh daripada kehidupan manusia. Upacara ritual ini turut disertakan iringan muzik dengan memainkan lagu-lagu daripada repertoire Rija.

## **HUBUNGAN MUZIK DAN RITUAL DALAM MASYARAKAT CAM**

Muzik dan ritual dalam masyarakat Cam Bani amat penting dan saling memerlukan di antara satu sama lain. Setiap upacara yang dilakukan oleh masyarakat itu memerlukan muzik untuk melicinkan proses upacara itu. Begitu juga dengan muzik yang dimainkan dalam repertoire tertentu turut memerlukan upacara ritual khusus yang bertujuan untuk menjaga atau menjamin pemuzik atau alat-alat muzik tidak diganggu atau dirosakkan oleh semangat tertentu. Ini bertujuan menjamin suasana yang sentiasa baik dan tidak terganggu, masyarakat Cam terutamanya ketua kumpulan ensemble muzik akan mengadakan upacara ritual tertentu. Ini telah melahirkan satu upacara ritual yang khusus terhadap alat-alat muzik yang hendak digunakan dalam persembahan repertoire tertentu.

Sebelum alat-alat muzik dimainkan dalam upacara ritual tertentu, setiap alat muzik itu perlu menjalani satu upacara ritual yang khusus. Upacara ritual khusus itu dipanggil upacara ritual buka alat muzik atau puja semangat alat muzik. Upacara ritual ini hampir mempunyai persamaan dengan upacara ritual buka alat muzik yang dilakukan oleh masyarakat Melayu Kelantan.<sup>12</sup> Dalam upacara ritual buka alat muzik itu akan diketuai oleh seorang bomoh atau Modoun. Dalam proses upacara ritual tersebut Moduon akan membaca jampi mantera tertentu terhadap alat-alat muzik yang hendak digunakan dalam persembahan. Semasa proses upacara itu, kesemua alat muzik yang akan digunakan dalam repertoire tertentu dikumpulkan dan disusunkan dalam bentuk bulatan dengan Moduon duduk di tengah bulatan tersebut. Madoun akan mengasap satu persatu alat muzik itu dengan dimulai alat ginang. Modoun akan mengasap alat ginang dengan asap kamenyan terutamanya pada permukaan muka kulit alat itu sambil membaca jampi serapah. Ini ditujukan kepada semangat yang mendiami alat itu sebagai tanda meminta kebenaran untuk dimainkan pada persembahan nanti. Selepas proses pemujaan ke atas alat ginang barulah diikuti alat-alat muzik lain seperti sarinai dan ceng.

Semasa upacara buka alat muzik itu turut disertakan beberapa sajian tertentu

untuk disajikan kepada semangat tertentu seperti bubur kacang, daun pinang, anak pokok tebu panjang dan buah-buahan.<sup>13</sup> Upacara ritual itu diakhiri dengan kesemua alat muzik itu dibunyikan sebagai tanda terima kasih kepada semangat yang mendiami alat muzik itu. Bagi tanda terima kasih tersebut, alat ginang terlebih dahulu dibunyikan sebelum diikuti oleh alat-alat muzik lain dengan menabuh pada permukaan muka kulit alat ginang beberapa kali.<sup>14</sup>

Setiap alat muzik masyarakat Cam juga dikatakan mempunyai pantang larang tertentu. Ini adalah kerana alat-alat muzik tersebut tidak boleh dibiarkan begitu sahaja tanpa ada penjagaan yang khusus terutamanya alat ginang. Masyarakat Cam beranggapan bahawa alat ginang perlu dihormati dan dijagai dengan baik. Mereka mempercayai bahawa alat ginang didiami semangat tertentu. Semangat yang mendiami alat ginang itu dipercaya dapat membantu menghasilkan mutu bunyi yang baik dan sedap didengari. Untuk menjaga mutu bunyi dan semangat yang mendiami alat ginang itu, ia tidak harus dibiarkan berselerak dan dilangkah oleh manusia atau binatang untuk mengelakkan semangat itu terganggu.

Sekiranya pantang larang itu tidak dipatuhi akan menyebabkan semangat yang mendiami alat ginang itu akan menganggu persembahan dengan mempengaruhi mutu bunyi alat ginang dan merosakkan persembahan. Persembahan repertoire itu menjadi tidak bermaya dan tidak dapat menghasilkan mutu persembahan yang dikehendaki. Ia juga boleh mempengaruhi pemuzik dan penonton menjadi histeria akibat daripada semangat yang terganggu itu memasuki ke dalam tubuh mereka dengan menimbulkan keadaan yang tidak diingini. Bagi mengelakkan berlaku kejadian seperti itu, masyarakat Cam terutamanya ketua kumpulan ensemble muzik Cam amat menitik beratkan mengenai pantang larang tersebut yang perlu dipatuhi oleh semua peringkat masyarakat itu.

Begitu juga dengan upacara ritual dalam masyarakat Cam Bani turut memerlukan irungan muzik untuk melicinkan proses ritual tersebut. Biasanya dalam upacara ritual dalam masyarakat Cam Bani diiringi alunan muzik daripada muzik repertoire tertentu. Muzik yang sering dimainkan dalam upacara ritual masyarakat Cam Bani lebih berdasarkan daripada muzik repertoire Rija.<sup>15</sup> Repertoire Rija merupakan seni persembahan yang utama dan penting dalam masyarakat Cam Bani. Repertoire ini sering digunakan dalam setiap upacara ritual yang dilakukan oleh masyarakat Cam Bani. Penggunaan atau persembahan repertoire Rija dalam upacara ritual tertentu amat diperlukan kerana muzik yang dimainkan mencerminkan pemujaan kepada semangat tertentu dan roh nenek moyang mereka. Dengan irungan muzik tersebut dapat mengasimilasikan proses upacara ritual itu dengan lebih cepat untuk mencapai maksud yang dikehendaki mereka.

Dalam masyarakat Cam Bani, upacara ritual sering disertakan bersama irungan muzik repertoire Rija. Misalnya upacara ritual puja semangat padi yang dilakukan oleh masyarakat Cam Bani semasa proses penanaman padi. Sebelum proses penanaman padi dimulai terlebih dahulu dilakukan upacara ritual puja semangat padi. Pada permulaan proses puja semangat padi itu dimulai dengan mengambil anak benih padi yang telah disemai untuk dipuja. Anak benih padi itu dipuja terlebih

dahulu supaya semangat padi yang mendiami anak benih itu tidak terganggu atau terpelihara. Selain itu, puja semangat padi bertujuan supaya pertumbuhan pokok padi tidak terganggu atau terbantut. Semasa proses itu hanya menggunakan ensemبل muzik yang ringkas iaitu dua biji alat ginang. Alat ginang ditabuh dengan menghasilkan timbre bunyi yang bertenaga-tingkah di antara satu sama lain. Biasanya lagu-lagu yang dipersembahkan dalam upacara ritual tersebut seperti lagu Girat, lagu Man Sri, lagu Ghamalikan, lagu Patri Bangso dan lagu Po Nai.<sup>16</sup>

Masyarakat Cam Bani juga menjalankan upacara pengubatan yang berdasarkan daripada pemujaan semangat tertentu. Upacara pengubatan itu menggunakan semangat tertentu untuk memulihkan keadaan pesakit. Masyarakat Cam Bani menggunakan muzik sebagai sokongan untuk menarik semangat tertentu memasuki ke dalam tubuh individu yang bertindak sebagai tumpangan. Semasa proses pengubatan itu turut diiringi muzik daripada repertoire Rija dengan Modoun memainkan alat kanhi. Modoun mengetuai upacara ritual pengubatan itu dengan menggesakkan alat kanhi sambil membaca jampi mantera tertentu dalam bahasa Melayu.<sup>17</sup> Pada masa yang sama, Modoun akan menyeru semangat tertentu untuk mengubati pesakit yang mengalami gangguan semangat jahat. Modouon dibantu oleh seorang pelaku yang bertindak dengan membenarkan tubuhnya dimasuki semangat yang dipuja. Kemasukan semangat itu ke dalam tubuh pelaku itu terjadi semasa beliau mengalami keadaan kelupaan akibat dipengaruhi bunyian muzik yang dimainkan semasa upacara itu. Proses pengubatan itu berterusan sehingga Modouon dapat berinteraksi dengan semangat itu untuk mengetahui jenis penyakit yang dihadapi oleh pesakit. Proses pengubatan itu berakhir apabila keadaan pesakit telah kembali pulih seperti asal. Biasanya dalam upacara ritual pengubatan, lagu-lagu yang sering dimainkan ialah lagu Ghamalikan, lagu Cai Asit, lagu Gilau dan lagu Girat. Ini adalah kerana lirik lagu-lagu tersebut mengandungi seruan memuja semangat tertentu supaya dapat memasuki ke alam nyata melalui tubuh pelaku. Semasa proses upacara ritual pengubatan itu menggunakan iringan ensemبل muzik yang lengkap iaitu terdiri daripada alat ginang, sarinai, kanhi dan ceng.

Begitu juga dengan upacara ritual yang membabitkan masyarakat Cam seperti majlis perkahwinan dan majlis berkhatan.<sup>18</sup> Masyarakat Cam amat menitik beratkan kedua-dua upacara itu dan sering diadakan secara besar-besaran. Majlis itu akan dilakukan oleh masyarakat Cam secara bergotong royong dengan membabitkan masyarakat kampung setempat. Aktiviti kerja gotong royong itu dapat mengeratkan silaturahim dan keharmonian di kampung mereka. Pada masa yang sama, upacara ritual itu turut diiringi muzik instrumental daripada muzik repertoire Rija. Di mana hanya alat ginang dan ceng digunakan untuk memainkan lagu-lagu dalam muzik instrumental.

Kadang-kala masyarakat Cam juga menggunakan alat barinu'ng sahaja untuk menghasilkan bunyi dengan menabuh alat itu secara beramai-ramai. Misalnya majlis perkahwinan di Phang-rang, masyarakat di situ akan memeriahkan majlis itu dengan diiringi muzik instrumental repertoire muzik Rija atau tabuhan alat barinu'ng tetapi ia bergantung kepada permintaan tuan rumah majlis tersebut. Penggunaan iringan muzik

dalam majlis perkahwinan dapat melahirkan suasana majlis yang meriah dan ia juga dapat mengelakkan tetamu merasa bosan.

Begitu juga penggunaan muzik dalam upacara berkhatan juga dapat menghasilkan satu upacara yang meriah dan memberikan semangat kepada kanak-kanak lelaki yang hendak dikhatakan. Biasanya dalam majlis berkhatan, masyarakat Cam Bani akan memainkan lagu-lagu yang bertemakan semangat seperti lagu Man Sri, lagu Po Nai, lagu Po Rome dan lagu Thong Hok. Mereka memainkan lagu-lagu seperti itu kerana lirik-lirik lagu itu menceritakan kisah-kisah semangat kepahlawanan raja-raja Campa dahulu.

Iringan muzik juga amat diperlukan oleh masyarakat Cam Bani dalam upacara ritual lain seperti ritual buka tanah pertanian.<sup>19</sup> Muzik yang sering digunakan dalam upacara itu seperti muzik repertoire Rija. Penggunaan muzik itu sebagai sokongan kepada proses upacara ritual untuk mendampingi semangat yang mendiami tanah yang hendak dibuka. Masyarakat Cam amat mempercayai bahawa tanah itu turut didiami oleh semangat tertentu dan harus dihormati supaya semangat itu tidak terganggu. Sebelum membuka tanah untuk pertanian atau kediaman mereka terlebih dahulu akan mengadakan upacara ritual buka tanah dengan menyediakan beberapa sajian tertentu di samping iringan muzik. Penyediaan sajian dalam upacara ritual itu amat penting kerana ia adalah sebahagian daripada proses upacara ritual tersebut. Proses upacara ritual itu diketuai oleh seorang bomoh yang akan membaca jampi dan mantera tertentu sambil diiringgi irama muzik Rija. Semasa mengiringi upacara ritual itu hanya menggunakan dua biji alat ginang dan sarinai sahaja. Alat sarinai bertindak sebagai memainkan irama melodi dengan mengikut tempo rentak ginang. Lagu-lagu yang biasa dimainkan dalam upacara buka tanah sering berkaitan dengan semangat seperti lagu Gilau, lagu Girat dan lagu Cai Asit.

## KESIMPULAN

Masyarakat Cam yang mendiami kawasan Vietnam dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan berdasarkan kepercayaan yang mereka anuti. Ketiga-tiga kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat Cam adalah kepercayaan animisme, Hindu dan Islam. Daripada ketiga-tiga kepercayaan itu telah membentuk tiga kumpulan masyarakat Cam iaitu Cam Hroi yang menganuti kepercayaan animisme mendiami kawasan Vietnam Selatan, Cam Brahma menganuti kepercayaan Hindu di kawasan pesisir pantai bahagian tengah Vietnam dan Cam Bani menganuti ajaran Islam juga mendiami kawasan pesisir pantai bahagian tengah negara tersebut.

Namun begitu, kepercayaan Islam yang dianuti oleh Cam Bani telah mengalami sikrentik (percampuran) dengan kepercayaan animisme dan Hindu. Ini kerana, masyarakat Cam Bani masih mengamalkan beberapa amalan kepercayaan animisme dan Hindu dalam ajaran Islam. Dengan demikian masyarakat Cam Bani masih turut serta dalam upacara-upacara Hindu yang dilakukan oleh masyarakat Cam Brahma. Selain itu mereka turut mengekalkan beberapa upacara tertentu yang berkaitan dengan upacara ritual memuja semangat. Akibat daripada sikrentik yang

berlaku telah melahirkan pelbagai bentuk muzik dan upacara ritual dalam masyarakat Cam.

Hubungan muzik dan ritual dalam masyarakat Cam mempunyai hubungan yang sangat rapat antara satu sama lain. Hubungan itu disebabkan masyarakat Cam amat menitik beratkan penggunaan muzik dalam upacara ritual. Penggunaan irungan muzik dalam upacara ritual dapat melicinkan proses ritual itu seperti yang dikehendaki. Masyarakat Cam mempercayai muzik dapat menarik semangat tertentu yang dapat berhubung dengan mereka untuk mengatasi masalah yang dihadapi atau permintaan mereka. Begitu juga sebaliknya muzik turut memerlukan upacara ritual untuk menjamin keselamatan pemuzik dan penonton daripada gangguan yang tidak diingini. Alat muzik yang terdapat dalam ensemble muzik masyarakat itu perlu menjalani satu upacara ritual yang khusus sebelum dibenarkan digunakan dalam persembahan.

#### **NOTAHUJUNG**

1 Po Dharma, "Kerajaan Campa" ed, P. B. Lafont, **Semenanjung Indochina: Satu Pengenalan**, terjemahan, Mohd Zain Musa, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), hlm. 143.

2 Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, "Campa dan Dunia Melayu", penyusun, Ismail Hussien, Aziz Deraman dan Abdul Rahman Al-Ahmadi, **Tamadun Melayu**, Jilid Tiga, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), hlm. 1078-1079.

3 **Kamus Dewan**, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), hlm. 12 dan lihat juga kepada **Collins English Dictionary and Thesaurus**, (Glasgow: Harper Collins Publishers, 1997), hlm. 25.

4 Danny J. Whitfield, ed. **Historical and Cultural Dictionary of Vietnam**, (New Jersey: The Scarecrow Press, 1976), hlm. 38.

5 Lihat kepada **Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu**, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), hlm. 2183.

6 Ibid., hlm. 526.

7 **Semenanjung Indochina: Satu Pengenalan**, Op. Cit., hlm. 148.

8 **Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu**, Op. Cit., hlm. 983.

9 Arthur Jacobs, ed. **A New Dictionary of Music**, (Middlesex: Penguin Books Ltd, 1963), hlm. 251. Lihat juga **The Oxford English Reference Dictionary**, (New York: Oxford University of Press, 1999), hlm. 953.

10 Alat Kanhi adalah alat gesekan yang mempunyai tiga tali yang ditegangkan pada pemutar tali dan disambungkan kepada badan alat kanhi yang diperbuat daripada kulit cengkerang kura-kura atau tempurung kelapa.

- 11     **History of the World: Civilization of Asia**, (Hong Kong: Cherrytree Press Ltd, 1990), hlm. 75. Lihat juga **The Oxford English Reference Dictionary**, hlm. 1243.
- 12     Lihat kepada Ghulam Sarwar Yousof, **Dictionary of Traditional South East Asian Theatre**, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1994), hlm. 306-307 dan **Panggung Semar: Aspects of Traditional Malay Theatre**, (Petaling Jaya: Tempo Publishing, 1992), hlm. 37-38. Lihat juga kepada Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, “Tabuhan Dalam Ensemبل Muzik Membranofon Melayu Kelantan dan Campa”, (Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 2001), hlm. 66-69.
- 13     “Tabuhan Dalam Ensemبل Muzik Membranofon”, Op. Cit., hlm. 79.
- 14     Ibid., hlm. 87.
- 15     Ibid., hlm. 86-87.
- 16     Ibid., hlm. 80.
- 17     Po Dharma, “Peranan Tamadun Melayu dalam Masyarakat Campa”, penyusun, Ismail Hussein, Aziz Deraman dan Abdul Rahman Al-Ahmadi, **Tamadun Melayu**, Jilid 1, (Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, 1993), hlm,248-249.
- 18     “Tabuhan Dalam Ensemبل Muzik Membranofon”, Op. Cit., hlm. 203-205.
- 19     Abdul Rahman Al-Ahmadi, ed. **Alam Melayu: Sejarah dan Kebudayaan Campa**, (Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, 1988), hlm. 213-214. Lihat juga kepada Po Dharma, “Kerajaan Campa” dalam **Semenanjung Indochina: Satu Pengenalan**, ed. P. B. Lafont, terj. Mohd Zain Musa, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), hlm. 145.